

TERAS**SARANAN****1. Tingkat Taraf Profesionalisme Sektor Asatizah**

1. Bangunkan program pengurusan bakat berstruktur ke arah mempersiapkan masa depan bagi memenuhi pelbagai jawatan kepimpinan di sektor keagamaan, khususnya asatizah yang akan menerajui dan memegang peranan penting di dalam institusi utama.
2. Bangunkan rangka kemahiran berlandaskan peranan dalam sektor keagamaan, dan juga peluang menceburi sektor lain.
3. Perkenalkan garis panduan gaji serta peningkatan faedah bagi asatizah di institusi utama termasuk madrasah dan masjid, sealiran dengan usaha peningkatan kemahiran.
4. Semak dan giat semula aset masyarakat dan galak sumbangan kreatif masyarakat untuk menyokong terus usaha pembangunan asatizah.

2. Perkasa Institusi

5. Tubuhkan pejabat perhubungan bagi asatizah masa depan untuk meneroka peluang laluan kerjaya dan pembangunan profesional, baik dalam sektor keagamaan dan yang lain.
6. Mempertingkatkan program pendidikan dan bimbingan kerjaya dan latihan amali bagi pelajar madrasah sepenuh masa untuk menyokong pembangunan menyeluruh pelajar.
7. Sokong wawasan menubuhkan institusi tempatan yang menawarkan program peringkat siswazah atau possiswazah dalam pengajian Islam (Kolej Islam Singapura), ke arah institusi berwibawa, bertaraf dunia.

3. Pupuk Siswazah Agama Cemerlang

8. Perkukuh pembangunan kemahiran asatizah melalui wadah Pendidikan Profesional Berterusan ARS, bagi menangani bidang sedia ada, dan yang baru.
9. Perkasa kemahiran lulusan, terapkan pengajian mengikut konteks sosial Singapura, permudah pembangunan kerjaya, dan sediakan pengalaman kerja melalui inisiatif Program Sijil Possiswazah Islam dalam Masyarakat Kontemporari (PCICS).
10. Tingkatkan sokongan bagi golongan siswazah dan possiswazah dalam mempertingkatkan kemahiran semasa mereka berada di luar negara.